

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 06.09.2022 MASA: 12.50pm

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

### SEMPENA

PERASMIAN SAYEMBARA TERAMPIL BERBICARA  
SEMPENA KONVENTSYEN PERPUSTAKAAN SE-  
MALAYSIA 2022: "JATI DIRI BERBUDAYA PEDULI  
INFO"

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**07 SEPTEMBER 2022 (RABU)**  
**8.00 MALAM**

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG**  
**JKR 2118 JALAN PERPUSTAKAAN**  
**SEBERANG JAYA**  
**PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Malam dan Salam Sejahtera,

***Sekuntum melur idaman dara  
Kelopaknya jatuh di pinggir muara  
Salam dihulur bermula acara  
Dalam majlis terampil berbicara***

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, pada malam ini kita dapat bersama-sama di *Raudahtul Jannah@Seberang Jaya*. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang selaku pengajur, atas kesudian mengundang saya bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Sayembara Terampil Berbicara yang julung kali diadakan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua jabatan dan agensi yang sama-sama menyertai dan memberi kerjasama dalam memastikan program ini dapat direalisasikan. Saya telah dimaklumkan bahawa penyertaan yang diterima adalah dari setiap negeri. Saya berasa amat kagum dan menghargai kesungguhan dan kemampuan tuan-tuan dan puan-puan untuk tampil ke hadapan bagi menyahut cabaran ini. Semangat

yang ditunjukkan bukanlah satu yang mudah untuk dilakukan namun tuan-tuan dan puan-puan telah membuktikan bahawa warga perpustakaan bukan sahaja boleh menyediakan pelbagai disiplin ilmu untuk pengguna, malah cukup berpengetahuan dalam pelbagai cabang keilmuan. Syabas diucapkan dan marilah kita memberikan satu tepukan buat diri kita semua.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program Sayembara Terampil Berbicara merupakan salah satu daripada aktiviti di sepanjang Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia, Pulau Pinang 2022 yang bertemakan "*Jati Diri Berbudaya Peduli Info*". Konvensyen ini melibatkan pelbagai program seperti seminar, pameran, bengkel dan sayembara terampil berbicara, penglipur lara, sukan pantai, sukan rakyat, kenduri rakyat dan sembang santai. Ianya adalah anjuran Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dan berlangsung daripada 5 hingga 10 September 2022.

Program Sayembara Terampil Berbicara ini merupakan satu pertandingan atau debat yang mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi di samping memupuk rasa keyakinan pada diri. Justeru,

saya menyarankan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang untuk meneruskan penganjuran Sayembara Terampil Berbicara ini pada tahun-tahun akan datang. Program sebegini boleh dipanjangkan juga kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang lain.

Seperti uang diungkapkan oleh Stephen R. Covey, “*kemampuan berkomunikasi adalah keterampilan terpenting dalam hidup dan pekerjaan*”, oleh itu program ini dapat dijadikan sebagai platform untuk menguji kemampuan diri kita dalam membahaskan secara spontan apa jua idea, pendapat, gagasan dan sebagainya.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua peserta yang menyertai Sayembara Terampil Berbicara pada tahun ini dan selamat bertanding kepada semua finalis. Semoga Sayembara Terampil Berbicara ini dapat menjadi landasan terbaik untuk berkongsi idea yang kritis, seterusnya menjadi program tahunan yang berprestij.

Jutaan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus untuk menjayakannya. Semoga Allah membalas usaha murni ini dengan sebesar-besarnya ganjaran.

*Perawan Ayu jalan di pama  
Jalan diatur langkah ke taman  
Bahasa Melayu milik bersama  
Kita tutur sepanjang zaman*

*Padi Jerami ikatan erat  
Diangkat sasa hingga ke Derga  
Ucapan difahami maksud tersirat  
Jadikan bahasa penyatu warga*

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, **SAYA DENGAN INI MERASMIKAN SAYEMBARA TERAMPIL BERBICARA SEMPENA KONVENTSYEN PERPUSTAKAAN SE-MALAYSIA 2022.**

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**  
**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**  
**Terima Kasih.**